

08 JUL 2003

Multaqa-Peserta (Bergambar)

MULTAQA TARIK PENYERTAAN MELEBIHI JANGKAAN

PUTRAJAYA, 8 Julai (Bernama) -- Multaqa Ulama Sedunia yang bermula Khamis ini mendapat penyertaan menggalakkan dengan penyertaan melebihi jangkaan dari dalam dan luar negara, kata Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Multaqa Datuk Mohamad Nakhaei Ahmad hari ini.

Beliau berkata 90 peserta dari luar negara dan 750 peserta tempatan dijangka menghadiri persidangan tiga hari itu yang akan membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi umat Islam dalam era globalisasi.

"Ini lebih daripada jangkaan dan oleh kerana tempat yang terhad, kami terpaksa tidak dapat menerima (penyertaan tambahan)," katanya kepada Bernama di Hotel Marriott Putrajaya, venue persidangan itu berlangsung.

Penganjur pada mulanya hanya menjangka kira-kira 700 peserta yang terdiri daripada ulama, cendekiawan dan ahli pemikir Islam dari lebih 30 negara akan menghadiri persidangan yang julung kali diadakan di negara ini.

Multaqa itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mencetuskan idea supaya diadakan persidangan seumpama itu bagi memberi penerangan mengenai Islam sebenar.

Antara ulama terkemuka yang akan menghadiri multaqa itu ialah Imam Besar Sheikh Al-Azhar dari Mesir Dr Sayyid Muhammad Tantawi yang akan menyampaikan ucap tama bertajuk "Beragama Yang Sebenar Dalam Era Globalisasi".

"Sambutan menggalakkan itu mungkin disebabkan kertas-kertas kerja yang menyentuh isu semasa dan hala tuju umat Islam pada masa depan dalam menghadapi era globalisasi," kata Mohamad Nakhaie yang juga Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM).

Sebanyak 22 kertas kerja yang meliputi isu-isu agama, politik, sosial, ekonomi dan pembangunan akan dibentangkan pada persidangan tiga hari anjuran Jabatan Perdana Menteri itu.

Mohamad Nakhaie berkata penyertaan ulama dan intelektual dari luar negara juga menjadi daya tarikan kepada peserta untuk mengetahui isu-isu menyentuh umat Islam, terutama daripada kalangan mereka yang datang dari kawasan yang bergolak.

Beliau berkata bagi memberi kefahaman kepada para peserta, kertas kerja dalam bahasa Arab akan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu manakala kertas kerja dalam bahasa Inggeris akan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Beliau berkata terjemahan secara langsung juga akan dibuat semasa kertas kerja dibentangkan.

"Tujuannya ialah supaya mesej dapat sampai dengan lebih berkesan kepada para peserta," katanya.

Mohamad Nakhaie berharap persidangan itu dapat menjadi titik tolak daripada segi pemikiran masyarakat terhadap Islam, yang tidak boleh dibuat secara ritual tetapi menerusi sistem menyeluruh dan cara hidup yang membawa tamadun cemerlang.

Beliau juga berharap multaqa itu akan memberi kesedaran kepada umat Islam mengenai pentingnya mereka membina kekuatan dalam semua bidang, terutama perpaduan, ekonomi dan penguasaan ilmu pengetahuan.

Ia termasuk keupayaan mereka dalam menyediakan kelengkapan canggih bagi mempertahankan diri, katanya.

-- BERNAMA

AZZ LAT NAK